

BAHASA DALAM

BAHASA DALAM

Bahasa-bahasa biasa yang dijadikan Bahasa Dalam adalah seperti berikut :-

Aluan

Bererti sembah pertama semasa mula-mula masuk dan duduk di dalam sesuatu Majlis Beristiadat.

Ampun beribu ampun

Dalam Bahasa Dalam bererti :-

- a) *Seseorang itu hendak menghalakan sesuatu sembah kepada Sultan dan Raja Isteri untuk menjunjung perhatian Baginda.*
- b) *Orang yang berdatang sembah sedemikian itu hendak menyatakan titah yang disampaikan kepadanya oleh Sultan atau Raja Isteri itu kurang jelas.*
- c) *Seseorang yang berdatang sembah sedemikian telah memahami apa yang telah dititahkan atau menyanggupi titah itu.*

Perbezaan maksud ungkapan itu adalah tertakluk kepada bunyi suara atau cara menggambarkannya.

Anjung

Bererti sesuatu tempat di ruang rumah atau sebagainya ditinggikan dari lantainya tetapi masih lagi di dalam ruang tingkat rumah itu. Tempat ini biasanya didiami oleh perempuan-perempuan yang belum berkahwin atau tempat yang dikhaskan bagi pemuda-pemudi.

Bagas-Bagasan

Bererti sesuatu kiasan yang diuntukkan kepada sesuatu perbuatan yang mengandungi barang baik-baik tetapi disifatkan barang-barang itu sebagai sesuatu yang telah dipakai. Umpamanya dikatakan 'bagas-bagasan pakaian' yang bererti kain atau pakaian yang dijadikan hadiah itu disifatkan tidak begitu baik padahal sebenarnya baik.

Barung-Barung

Bererti 'rumah' iaitu digunakan pada masa hendak menyebutkan kepada Keluarga Diraja termasuk Wazir, Cheteria dan Pengiran.

Beradu

*Bererti 'tidur' perkataan yang digunakan untuk Keluarga Diraja dan Pengiran-Pengiran. Misalnya : "Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda masih **beradu** belumlah lagi Pehin dapat mengadap".*

Berangkat

Bererti 'bertolak' atau 'datang' perkataan yang digunakan untuk Keluarga Diraja dan Pengiran-Pengiran. Misalnya : "Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja akan **berangkat** ke London" atau "Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja akan **berangkat** dari London".

Berdatang Sembah

Bererti mengadapkan sesuatu maksud kepada Keluarga Diraja, Wazir dan Cheteria sama ada dengan secara bercakap dan memohon keizinan untuk berdatang sembah dalam sesuatu majlis. Misalnya : "Ampun beribu ampun, Hamba Duli Tuan Patik menjunjung **berdatang sembah**".

Beribu Ampun

Dalam Bahasa Dalam bererti :-

- a) Seseorang itu hendak menghalakan sesuatu sembah kepada Keluarga Diraja untuk menjunjung perhatian.
- b) Orang yang berdatang sembah sedemikian itu hendak menyatakan sabda yang disampaikan kepadanya oleh Keluarga Diraja itu kurang jelas.
- c) Seseorang yang berdatang sembah sedemikian telah memahami apa yang telah disabdakan atau menyanggupi sabda itu.

Perbezaan maksud ungkapan itu adalah tertakluk kepada bunyi suara atau cara menggambarkannya.

Berisi

Bererti 'bunting atau hamil' bagi Keluarga Diraja yang perempuan.

Bersiram

Bererti 'mandi' perkataan yang digunakan untuk Keluarga Diraja dan Pengiran-Pengiran. Misalnya: "Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri akan **bersiram** sebelum memakai pakaian Pengantin".

Bisai

Bererti dipersetujui atau diperkenankan.

Dangan Sebarung-Barung

Bererti 'isteri' bagi orang kebanyakan dan Manteri-Manteri bertauliah semasa membahaskan kepada pihak Keluarga Diraja atau Wazir.

Lancar

Bererti seseorang yang telah diberi malu dengan secukupnya.

Layuan

Bererti 'mayat' atau 'jenazah' bagi Keluarga Diraja dan Wazir.

Lindung

*Bererti 'meninggal dunia' perkataan yang digunakan untuk Sultan. Misalnya : "Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin **lindung** di Singapura dan dimakamkan di Brunei".*

Irmis

Bererti 'anak' iaitu digunakan oleh Pehin-Pehin Manteri apabila membahaskan anak-anak mereka kepada Keluarga Diraja termasuk Wazir, Cheteria dan Pengiran.

Jatnyawa

Bererti 'kurang sihat' atau 'demam' bagi Keluarga Diraja, Wazir-wazir, Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran.

Kain Pendukungan

Bererti 'kain persalinan' bagi Keluarga Diraja dan Wazir yang menggambarkan penghormatan yang diumpamakan sebagai melihara anak-anak damit.

Kebasahan

*Bererti 'cedera' disebabkan senjata, lazimnya peluru. Misalnya : "Tembakan Meriam dari Istana itu menyebabkan **kebasahan** di rumah Pengiran Temanggung Pengiran Rajid".*

Keemasan

Bererti semuanya diperbuat daripada Emas.

Kekuningan

Bererti semuanya berwarna Kuning.

Keluaran

Bererti satu perbuatan janggal dalam sesuatu istiadat.

Kenaikan

*Bererti 'kendaraan' yang digunakan oleh Keluarga Diraja dan Wazir. Misalnya : "Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan menaiki **kenaikan** yang dikhaskan untuk berangkat ke Lapau.*

Ketampiasan

Bererti menerima sesuatu yang sepatutnya tidak kena-mengena dengannya.

Meluaran

Bererti 'bersalin' atau 'beranak' bagi Keluarga Diraja yang perempuan.

Mengadap

Bererti 'berjumpa' kepada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran. Misalnya: "Awang Ahmad dipanggil **mengadap** ke pengadapan.

Menjunjung

Mempunyai erti yang berlainan iaitu tertakluk kepada ungkapan kata yang digunakan. Misalnya:-

- a) "Di atas kurnia itu hamba Kebawah Duli Tuan Patik berbanyak-banyak **menjunjung** kasih". Perkataan **menjunjung** bererti 'menerima'.
- b) Pehin Penyurat telah mengadap Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Besar untuk **menjunjung** sabda. Perkataan **menjunjung** bererti 'memohon'.
- c) Pehin Bendahari telah menyatakan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad, "**Junjung**, merbahaya di sana atu". Perkataan **junjung** bermaksud 'melarang'.
- d) "Hamba Kebawah Duli Tuanku **menjunjung** ampun di atas suruk langkah irmas hamba Duli Tuanku yang kurang manis semasa mengiringkan". Perkataan 'menjunjung' ini bererti meminta maaf dengan secara hormat tetapi yang sebenarnya tidak ada kesalahan itu.
- e) Pehin Orang Kaya Digadong **menjunjung** anugeraha. Perkataan 'menjunjung' ini bererti memohon diri.
- f) Pehin Bendahari hendak **menjunjung** kurnia. Perkataan 'menjunjung' ini bererti meminta sesuatu.
- g) "Di atas titah itu hamba Kebawah Duli Tuan Patik **menjunjung** ampun". Perkataan 'menjunjung' ini bererti menolak titah itu.
- h) "Peramba pergi ini adalah **menjunjung** titah anakda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan". Perkataan 'menjunjung' ini bererti menjalankan.
- i) "Seluruh rakyat di Daerah Temburong telah berdatang sembah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk **menjunjung** limpah kurnia Baginda supaya menganugerahkan satu kawasan pertanian untuk penghidupan mereka". Perkataan 'menjunjung' ini bererti memohon pertimbangan.
- j) "Titah itu patik **junjung**". Perkataan 'junjung' bererti sanggup.

Menjunjung Sabda

Bererti 'menjalankan kerja yang diatuhkan', 'menyahut sabda' atau 'mengaku apa yang telah disabdakan' oleh Keluarga Diraja termasuk Wazir dan Cheteria. Misalnya : "**Menjunjung Sabda** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri, Pengiran Penggarwa Laila Bentara Diraja memanggil Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Muhammad Yusuf, mengadap.

Menjunjung Titah

Bererti 'menjalankan perintah' atau 'kerja yang diatuhkan' atau 'menyahut titah' atau 'mengaku apa yang telah dititahkan' oleh Sultan atau Raja Isteri. Misalnya : "Derma Tabung Pembinaan Stadium ini dijalankan adalah sebagai **menjunjung titah**".

Munkan Ampun

Dalam Bahasa Dalam bererti :-

- a) Seseorang itu hendak menghalakan sesuatu sembah kepada Wazir atau Cheteria untuk memohon perhatian mereka.
- b) Orang yang datang bersembah sedemikian itu hendak menyatakan sabda yang disampaikan kepadanya oleh Wazir atau Cheteria itu kurang jelas.
- c) Seseorang yang berdatang sembah sedemikian telah memahami apa yang telah disabdakan atau menyanggupi sabda itu.

Menuju

Bererti 'mengangkat sembah kearah sesuatu tempat yang tertentu'. Misalnya : "Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela **menuju** kepada Kepala Majlis".

Menyampiri

Bererti 'mengurniakan' sesuatu gelaran kepada Manteri-Manteri termasuk Manteri Pedalaman. Misalnya : "Yang Mulia Awang Besar telah **disampiri** gelaran menjadi Datu Harimau Alam.

Menyembah

Bererti 'memberi hormat dengan mengangkat sembah' iaitu dengan cara menghadapkan kepada orang yang hendak disembah itu dan mengangkat sembah menyusun jari yang bertemu di suatu tempat yang ditentukan menurut taraf orang yang menerima sembah itu.

Menyembahkan

Bererti menyampaikan (berita, surat dan lain-lain) mengatakan dan menceritakan dengan penuh takzim.

Murung

Bererti 'tersilap'. Misalnya : "Rupanya hamba Duli Tuan Patik tadi **murung** kata-kata".

Naik

Bererti "Ke Istana".

Misalnya : "Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela "naik" menyembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam".

Peraduan

*Bererti 'tempat tidur' yang digunakan oleh Keluarga Diraja dan Wazir. Misalnya : "Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri beradu di **Peraduan**".*

Persalinan

Bererti pakaian yang diuntukkan bagi sesuatu maksud, biasanya digunakan untuk sesuatu istiadat.

Sembah

Bererti suatu cara penghormatan kepada Sultan, Raja Isteri, Isteri-isteri lain kepada Sultan, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria.

Suruk Langkah

*Bererti berada di satu tempat bersama-sama dengan orang yang lebih tinggi martabatnya atau melakukan sesuatu di hadapan pihak yang sedemikian seolah-olah dimaksudkan untuk meminta maaf. Misalnya : "Hamba Duli Tuan Patik berbanyak-banyak menjunjung ampun atas **suruk langkah** yang telah hamba Duli Tuan Patik lakukan di hadapan Duli Tuan Patik ini.*

Turun

*Bererti 'dari istana'. Misalnya : "Rombongan yang dikepalai oleh Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela pun **turun** membawa titah menuju ke Lapau".*

Turus

Bererti 'orang yang diharap-harapkan'.

Ulu

Bererti 'kepala bagi keluarga Diraja'.

Usungan

Bererti kenaikan Raja-Raja yang diusung (diangkat) oleh orang-orang yang dihaskan untuk menjadi pengangkat usungan.

BAHASA DALAM

Bahasa Dalam yang maksudnya disampaikan secara kiasan ialah :-

Bercemar Duli

Kiasan ini bermaksud 'berangkat' bagi Sultan dan Raja Isteri.

Ke Siring

*Kiasan ini bermaksud 'uang air' yang digunakan oleh orang rendah tarafnya dengan membahaskan dirinya apabila bercakap dengan orang yang tinggi tarafnya. Misalnya : "Peramba menjunjung anugeraha sebentar untuk **ke siring**".*

Ke Sungai

*Kiasan ini bermaksud 'uang air' yang digunakan apabila membahaskan orang yang tinggi tarafnya kepada orang yang di bawahnya. Misalnya : "Pehin Orang Kaya Digadong bertanya kepada Pehin Penyurat, ke mana Duli Pengiran Digadong Pehin. Pehin Penyurat menjawab **ke sungai**".*

Kiasan lain yang selalu digunakan

Mengenai dengan perkataan kiasan ini boleh dimisalkan dengan beberapa misalan lain, umpamanya jika Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria hendak mengatakan 'sesuatu jalan itu kurang baik' maka akan dititahkan oleh Baginda bahawa kenaikan Baginda sedikit lagi 'tergelincir'.

*Ataupun jika Sultan hendak 'meminta pertolongan kepada seseorang' maka akan dititahkan kepada orang itu dengan mengatakan '**minta carikan tongkat**'.*

*Atau jika hendak menggunakan perkataan 'kurang kemas bagi sesuatu yang dipakai oleh seseorang' maka diganti dengan perkataan '**panas hari ini**' dan sebagainya.*

Menyuap-nyuap

*Kiasan ini bermaksud 'makan' bagi Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria semasa pihak yang disebutkan hendak menggunakan perkataan 'makan' ini untuk menyatakan diri sendiri atau orang lain terke bawah darjatnya. Misalnya : "Baginda bertitah kepada Pehin Penyurat dengan mengatakan sudah Pehin **menyuap-nyuap** dan jika sudah kaola akan **menyuap-nyuap** sebelum ketani berjalan.*

BAHASA DALAM

Perkataan khas yang lazim digunakan sebagai Bahasa Dalam adalah seperti berikut :-

Anugeraha

*Anugeraha bererti 'Pemberian' daripada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria. Misalnya : "Awang Haji Mohd. Yusof telah **dianugerahi** nama menjadi Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela.*

*Anugerah bererti 'Kebenaran' daripada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria. Misalnya : "Yanda Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menjunjung **anugeraha** untuk pergi keluar negeri iaitu Singapura selama seminggu".*

Ayapan

*Perkataan ini digunakan oleh orang kebanyakan untuk mengganti maksud perkataan yang dimaksudkan bagi dirinya atau orang kebanyakan yang diceritakan semasa menyembahkan kepada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria untuk menggantikan penggunaan perkataan 'Penghidupan' atau 'Pencarian' atau 'Pendapatan' atau 'Makanan'. Misalnya : "Hamba Duli Tuanku pergi ke pasar untuk mengunjar-ngunjar **ayapan**". "Hamba Duli Tuanku bekerja di Syarikat Minyak Shell Berhad Seria untuk **ayapan** hamba Duli Tuanku sebarung-barung".*

Berangkat Dari

*Perkataan ini digunakan untuk menggambarkan perginya Keluarga Diraja, Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran dari sesuatu tempat atau majlis. Misalnya : "Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran **berangkat dari** majlis".*

Beredar Dari

*Perkataan ini digunakan untuk menggambarkan perginya seseorang Pembesar Negara yang terdiri daripada orang kebanyakan, dari sesuatu tempat atau majlis. Misalnya : "Yang Berhormat Menteri **beredar** dari Dewan Raya pada jam 9.30 malam".*

Bersemayam

Perkataan ini khas untuk Sultan dan Raja Isteri.

*Bersemayam bererti 'duduk'. Misalnya : "Pada masa ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang **bersemayam** di atas Singgahsana.*

*Bersemayam bererti 'tinggal'. Misalnya : Pada masa ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **bersemayam** di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*

Budayang

Perempuan kebanyakan yang muda dilantik khas untuk mengasuh anak damit Keluarga Diraja.

Cerpu

Perkataan ini digunakan di dalam persuratan untuk menyebut 'kasut' bagi Sultan dan Raja Isteri.

Duli

*Menurut dalam Bahasa Sanskrit, 'Duli' ialah habuk halus yang melekat di tapak kaki. Menurut Bahasa Dalam 'Duli' ialah **terasul bagi Sultan, Raja Isteri dan Putera-Putera Sultan yang gahara.***

Inang

Perempuan kebanyakan yang khas menyusukan anak damit Keluarga Diraja dan juga menjadi pengasuhnya.

Kamul

Perkataan ini digunakan untuk menamakan 'kain tidur' yang digunakan oleh Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria. Pada lazimnya kamul ini diperbuat daripada kain berela sepanjang 2½ pipir.

Kawang

Orang yang menjadi gundik Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria yang anak bunga tubuhnya laki-laki. Perempuan yang menjadi pengasuh anak laki-laki kepada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria.

Kedayang

Orang yang menjadi gundik Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria yang anak bunga tubuhnya perempuan. Perempuan yang menjadi pengasuh anak perempuan kepada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria.

Kurnia

*Lazimnya perkataan ini digunakan untuk menyebut **pemberian** daripada Sultan dan Raja Isteri. Misalnya : "Di atas limpah **kurnia** Kebawah Duli Tuan Patik yang telah mengadakan jalan raya menyeluruh Kampung-kampung di Daerah Tutong ini, patik-patik sekalian berbilang-banyak menjunjung kasih".*

Manda

Bererti 'Mama' atau 'ibu' sebutan kepada orang yang menjadi pengasuh anak damit Keluarga Diraja. Manda ini biasanya terdiri daripada keluarga yang rapat (terdekat) dan orang yang boleh diharap.

Murka

Bererti 'Marah'. Perkataan ini digunakan bilamana menyebutkan keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria dalam keadaan sedemikian.

Pataratna

Nama tempat bersemayam di Lapau yang dikhaskan untuk Sultan dan Raja Isteri.

Pengadapan

Perkataan ini terbit daripada perkataan 'mengadap'. Perkataan ini bererti '**bilik tamu**' atau '**majlis kepunyaan**' Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria.

Persantapan

Terbit daripada perkataan santap yang bererti 'jamuan'.

Sabda

Bererti 'Perkataan' atau 'Kata' atau 'Perintah'. Perkataan ini khas untuk isteri-isteri lain kepada Sultan dan Keluarga Diraja termasuk Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran. Misalnya : "Duli Pengiran Muda Besar" telah **bersabda** kepada Pehin Orang Kaya Digadong menyuruh menyediakan persiapan yang diperlukan untuk Istiadat Perkahwinan Diraja".

Santap

Perkataan ini khas untuk Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria.

Bererti 'Makan'. Misalnya : "Apabila santapan telah siap sedia maka masuklah Pehin Penyurat untuk menjunjung **santap**".

Bererti 'Minum'. Misalnya : "Pengiran Anak Puteri sedang **santap** susu".

Bererti 'Basigup'. Misalnya : "Sambil **santap** sigup Pengiran Siraja Muda memerhatikan asap yang keluar berkepul-kepul dari hujung sigupnya.

Santapan

Mempunyai erti yang berlainan iaitu tertakluk kepada penggunaannya.

Santap bererti 'Makan'. Perkataan ini khas digunakan untuk Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria. Misalnya : "Apabila **santapan** telah siap sedia maka para jemputan pun dijunjung santap".

Santapan bererti 'Sara Hidup'. Perkataan ini khas digunakan untuk Keluarga Diraja dan Wazir-Wazir. Misalnya : "**Santapan** Diraja pada tahun ini sebanyak"

Singgahsana

Nama tempat bersemayam yang dikhaskan untuk Sultan dan Raja Isteri. Semasa sesuatu istiadat yang tertentu yang diadakan di dalam Istana.

Tamayapan

*Perkataan ini biasanya digunakan oleh orang kebanyakan untuk mengatakan perkataan 'makan' bagi dirinya atau orang kebanyakan yang diceritakan semasa menyembahkan kepada Keluarga Diraja, Wazir-Wazir dan Cheteria-Cheteria. Misalnya : "Sebelum hamba Duli Tuanku mengadap, hamba Duli Tuanku telah **tamayapan** di barung-barung bersama-sama irmas-irmas".*

Titah

Perkataan ini khas untuk Sultan dan Raja Isteri iaitu 'Perintah Sultan' atau 'Kata Sultan' atau 'Ucapan Sultan' atau 'Hukuman Sultan'.

BAHASA DALAM

Gantinama orang pertama (orang yang bercakap) :-

i. **Hamba Kebawah Duli Tuan Patik**

*Gantinama bagi orang kebanyakan semasa berdatang sembah untuk menyatakan diri kepada Sultan dan Raja Isteri. Misalnya : “**Hamba Kebawah Duli Tuan Patik** hendak menjunjung limpah kurnia”.*

ii. **Patik**

Gantinama bagi Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran semasa berdatang sembah untuk menyatakan diri kepada Sultan dan Raja Isteri.

iii. **Hamba Duli Tuanku**

Gantinama bagi orang kebanyakan semasa berdatang sembah untuk menyatakan diri kepada Pengiran Isteri dan Putera-Putera Sultan yang gahara.

iv. **Hamba Tuanku**

*Gantinama bagi orang kebanyakan semasa berdatang sembah untuk menyatakan diri kepada Puteri-Puteri Sultan yang gahara dan Wazir-Wazir bukan daripada Putera Sultan yang gahara. Misalnya : “**Hamba Tuanku** hendak menjunjung sabda perkenan”.*

v. **Peramba**

- a) *Gantinama bagi orang kebanyakan semasa berdatang sembah untuk menyatakan diri kepada Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran.*
- b) *Gantinama bagi Sultan semasa menyatakan diri kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan Berteras.*
- c) *Gantinama bagi Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria semasa menyatakan diri kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan.*
- d) *Gantinama bagi Cheteria dan Pengiran-Pengiran semasa menyatakan diri kepada Pengiran-Pengiran.*

vi. **Kaola**

- a) *Gantinama bagi Raja Isteri semasa menyatakan diri kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Berteras.*
- b) *Gantinama bagi Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan semasa menyatakan diri kepada Pehin-Pehin Manteri yang berchiri.*
- c) *Misalnya : “Dapat Pehin menjadi wakil **kaola** menyampaikan hadiah kepada penuntut-penuntut di Maktab SOAS”.*

- d) *Gantinama bagi orang kebanyakan perempuan semasa menyatakan diri kepada Cheteria dan Pengiran-Pengiran.*
- e) *Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Perempuan semasa menyatakan diri kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran.*

vii. **Aku atau Kediaku**

Gantinama bagi Keluarga Diraja semasa menyatakan diri kepada Pengiran-Pengiran Peranakan, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan.

viii. **Beta**

Gantinama bagi Sultan dan Raja Isteri semasa menyatakan diri secara rasmi kepada orang ramai.

BAHASA DALAM

Gantinama orang kedua (orang yang dicakapi) :-

i. Kebawah Duli Tuan Patik

Gantinama bagi Sultan dan Raja Isteri semasa orang kebanyakan berdatang sembah untuk menyebut nama Sultan dan Raja Isteri.

ii. Duli Tuan Peramba

Gantinama bagi Putera-Putera Sultan yang gahara semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran berdatang sembah untuk menyebut nama Putera-Putera Sultan yang gahara.

iii. Duli Tuanku

Gantinama bagi Putera-Putera Sultan yang gahara semasa orang kebanyakan berdatang sembah untuk menyebut nama Putera-Putera Sultan yang gahara.

iv. Tuanku

Gantinama bagi Puteri-Puteri Sultan yang gahara dan Wazir bukan daripada Putera-Putera Sultan yang gahara semasa orang kebanyakan berdatang sembah untuk menyebut nama Puteri-Puteri Sultan yang gahara dan Wazir bukan daripada Putera-Putera Sultan yang gahara.

v. Tuan Peramba

a) Gantinama bagi Wazir dan Cheteria semasa Sultan menyebut nama mereka.

b) Gantinama bagi Wazir dan Cheteria semasa Keluarga Diraja lelaki, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran lelaki menyebut nama mereka.

c) Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran lelaki menyebut nama mereka.

d) Gantinama bagi Pengiran-Pengiran semasa Pengiran-Pengiran kebanyakan lelaki dan orang kebanyakan lelaki menyebut nama mereka.

vi. Awangku (bagi Lelaki) atau Dayangku (bagi Perempuan)

a) Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan yang gahara semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan yang tertua menyebut nama mereka.

b) Gantinama bagi Keluarga Diraja termasuk Pengiran-Pengiran Peranakan yang berterasa lagi gahara dan yang termuda semasa Keluarga Diraja menyebut nama mereka.

- c) *Gantinama bagi Awang-Awang yang ibunya dari keturunan Awang-Awang semasa kaum keluarga memanggil atau menyebut nama mereka atau menceritakan darihal mereka itu kepada saudara maranya.*

vii. **Bini Pehin**

Gantinama bagi Isteri Pehin Manteri yang berchiri semasa Pehin Manteri yang berchiri, Manteri yang bertauliah termasuk Manteri Pendalaman bercakap kepada isteri-isteri Pehin Manteri itu untuk menyebut nama mereka.

viii. **Awang**

Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan yang berteras yang tidak gahara semasa Keluarga Diraja menyebut nama mereka.

Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan yang tidak gahara dan Pengiran-Pengiran semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan yang gahara menyebut nama mereka.

ix. **a) Pehin**

Gantinama bagi Pehin Manteri yang berchiri semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran bertitah/bersabda, Pehin-Pehin Manteri yang berchiri, Manteri yang bertauliah Pedalaman dan orang kebanyakan bercakap kepada mereka.

b) Babu

Gantinama bagi isteri Pehin Manteri yang berchiri semasa Sultan dan Raja Isteri bertitah kepada isteri Pehin Manteri yang berchiri itu untuk menyebut nama mereka.

Gantinama bagi isteri Pehin Manteri yang berchiri semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan bersabda kepada isteri Pehin Manteri yang berchiri itu untuk menyebut nama mereka.

x. **Kanak**

Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan yang berteras yang tidak gahara semasa Keluarga Diraja dan Wazir menunjukkan titah atau sabda untuk menyebut nama mereka.

xi. **Kita atau disebut nama orang itu**

- a) *Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pengiran-Pengiran semasa Keluarga Diraja dan Wazir menunjukkan titah atau sabda kepada mereka untuk menyebut nama mereka.*

- b) *Gantinama bagi Awang-Awang atau orang tua-tua semasa Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan menyebut namanya atau mengarahkan sabda atau kata kepadanya.*

xii. **Alai**

- a) *Gantinama bagi Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan, Pengiran-Pengiran Peranakan yang berteras dan Pengiran-Pengiran Peranakan yang termuda semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan yang tertua, Pengiran-Pengiran kebanyakan menyebut atau menyapa mereka.*
- b) *Gantinama bagi isteri Keluarga Diraja, isteri Wazir, isteri Cheteria dan isteri Pengiran-Pengiran Peranakan semasa suami mereka menyebut nama mereka.*

xiii. **Tuan Kaola**

- a) *Gantinama bagi Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran semasa Pengiran-Pengiran Perempuan bercakap kepada mereka.*
- b) *Gantinama bagi Cheteria dan Pengiran-Pengiran semasa orang kebanyakan perempuan bercakap kepada mereka.*

xiv. **Pengiran**

Gantinama bagi Keluarga Diraja lelaki, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan lelaki semasa anak-anak mereka yang tidak gahara menyapa nama mereka.

xv. **Mudim**

Gantinama bagi Manteri Ugama yang bertauliah semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan menyebut namanya di kala mengarahkan titah atau sabda atau kata kepadanya.

xvi. **Liau**

Gantinama bagi Manteri Hulubalang yang gelarannya didahului oleh Pahlawan, Pateh, Damong, Pengarah, Ketua Juru Laki dan Juru Laki serta Juru Bini termasuk Manteri Darat iaitu 'Orang Kaya' atau 'Datu', semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri yang bertauliah atau orang kebanyakan bertitah, bersabda atau bercakap kepada Manteri Hulubalang itu kalau Hulubalang gantinama baginya ialah Hulubalang, kalau Pahlawan gantinama baginya ialah Pahlawan, kalau Pateh gantinama baginya ialah Pateh, kalau Damong gantinama baginya ialah Damong, begitulah juga Manteri Darat kalau 'Orang Kaya' gantinama baginya ialah 'Orang Kaya' dan kalau 'Datu' gantinama baginya ialah 'Datu'.

BAHASA DALAM

Gantinama orang ketiga :-

i. **'Ninda' , 'Ayahanda' , 'Bonda' , 'Kekanda' , 'Adinda' , 'Anakda' dan 'Cunda'**

- a) *Gantinama bagi Keluarga Diraja semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran bersabda kepada Wazir dan Cheteria mengenai dengan orang yang dimaksudkan iaitu taraf di sisi keluarga atau taraf di segi umur atau taraf gelaran di antara orang yang diceritakan itu dengan orang yang dihadapkan maksud itu kepadanya menurut istilah keutamaan masing-masing. Setelah menyebut perkataan ini barulah disambung dengan nama batang tubuh atau kedudukan atau gelaran atau sebagainya bagi orang yang dimaksudkan. Misalnya : “**Ayahanda** Tuan Peramba telah berangkat ke Daerah Belait untuk menyaksikan perayaan di sana”.*
- b) *Gantinama bagi Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan semasa Keluarga Diraja bertitah atau bersabda untuk menyebut nama yang dimaksudkan kepada Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan menurut taraf masing-masing sebagaimana disebutkan.*

ii. **Yanda**

Perkataan 'Yanda' berasal daripada perkataan 'Ayahanda'. Gantinama bagi Pehin-Pehin Manteri yang berchiri semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan menceritakan perihal Pehin-Pehin Manteri yang berchiri kepada yang dimaksudkan di atas.

iii. **Bonda**

Gantinama bagi isteri Pehin-Pehin Manteri yang berchiri semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan menceritakan perihal isteri Pehin-Pehin Manteri yang berchiri kepada yang dimaksudkan di atas.

iv. **Anakda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran semasa menceritakan perihal mereka kepada Pehin-Pehin Manteri yang berchiri atau isteri mereka.

v. **Kekanda** (sebut nama gelaran atau isteri kepada nama gelaran itu).

Gantinama bagi Pehin-Pehin Manteri yang berchiri yang tinggi peringkat gelarannya atau isteri mereka semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan mencakapkan nama Pehin Manteri tersebut atau isteri mereka kepada Pehin-Pehin Manteri yang berchiri yang tinggi gelarannya dari Pehin-Pehin atau isteri mereka yang dimaksudkan itu.

vi. **Adinda** (sebut nama gelaran atau isteri kepada nama gelaran itu).

Gantinama bagi Pehin-Pehin Manteri yang berchiri yang rendah peringkat gelarannya atau isteri mereka semasa Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan mencakapkan nama Pehin Manteri tersebut atau isteri mereka kepada Pehin-

Pehin Manteri yang berchiri yang tinggi gelarannya dari Pehin-Pehin atau isteri mereka yang dimaksudkan itu

vii. **Awangku atau Dayangku** (sebut namanya).

- a) *Gantinama bagi Keluarga Diraja dan Pengiran-Pengiran Peranakan yang berteras lagi gahara semasa Keluarga Diraja menceritakan kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran dan orang kebanyakan.*
- b) *Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan menceritakan kepada Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan.*
- c) *Gantinama bagi Awang-Awang yang ibunya keturunan Awang-Awang semasa kaum keluarga memanggil atau menceritakan darihal anak buahnya itu kepada saudara-saudaranya.*

viii. **Si Kanak** (sebut nama orangnya).

- a) *Gantinama bagi Pengiran-Pengiran Peranakan yang tidak gahara semasa Keluarga Diraja menceritakan perihal mereka kepada Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan.*
- b) *Gantinama bagi Pengiran-Pengiran yang tidak gahara semasa Wazir dan Cheteria menceritakan perihal mereka kepada Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran dan orang kebanyakan.*

ix. **Kaola Pengian** (sebut nama orang itu).

- a) *Gantinama bagi orang kebanyakan semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran menceritakan orang kebanyakan kepada Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan.*
- b) *Gantinama bagi orang kebanyakan semasa orang kebanyakan berdatang sembah untuk menceritakan mengenai orang kebanyakan itu kepada Sultan, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran.*

x. **Paduka Ninda**

Gantinama bagi Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah kepada cucu-cucu Sultan, cucu-cucu Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara untuk menyatakan nama nini mereka itu iaitu Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara.

xi. **Ninda**

Perkataan 'Nini' ialah 'nenek' iaitu ibu bapa kepada emak atau ayah. 'Nini Laki' bererti ayah kepada ibu atau bapa dan 'Nini Bini' bererti ibu kepada ibu atau bapa. Gantinama bagi Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara) Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri semasa Wazir,

Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada cucu orang yang dimaksudkan di atas tadi untuk menyatakan nama nini mereka itu.

xii. **Paduka Ayahanda**

Gantinama bagi Sultan dan Putera-Putera Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara untuk menyatakan nama Sultan dan Putera-Putera Sultan yang gahara kepada mereka.

xiii. **Ayahanda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja lelaki (kecuali Sultan dan Putera-Putera Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan lelaki, Pehin-Pehin Manteri lelaki semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah kepada anak-anak Wazir, menyampaikan kepada anak-anak Cheteria, anak-anak Pengiran Peranakan atau anak-anak Pehin Manteri, untuk menyatakan nama ayah mereka dalam kalangan Keluarga Diraja (kecuali Sultan dan Putera-Putera Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri yang dimaksudkan di atas tadi.

xiv. **Paduka Bonda**

Gantinama bagi Raja Isteri dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan untuk menyatakan nama Raja Isteri dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara kepada mereka.

xv. **Bonda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja perempuan (kecuali Raja Isteri dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara) isteri Wazir, isteri Cheteria, isteri Pengiran-Pengiran Peranakan, isteri-isteri Pehin-Pehin Manteri semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, berdatang sembah kepada anak-anak Wazir, menyampaikan kepada anak-anak Cheteria, anak-anak Pengiran Peranakan atau anak-anak Pehin Manteri untuk menyatakan nama ibu mereka dalam kalangan Keluarga Diraja (kecuali Raja Isteri dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara), isteri Wazir, isteri Cheteria, isteri Pengiran-Pengiran Peranakan, isteri-isteri Pehin-Pehin Manteri yang dimaksudkan di atas tadi.

xvi. **Paduka Kekanda**

Gantinama bagi Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada saudara-saudara Sultan yang termuda, untuk menyatakan saudara mereka yang tertua iaitu Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara.

xvii. **Kekanda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada saudara yang termuda kepada orang yang dimaksudkan di atas, untuk menyatakan nama saudara mereka yang tertua iaitu Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri.

xviii. **Paduka Adinda**

Gantinama bagi Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada saudara-saudara Raja Isteri yang tertua, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara untuk menyatakan saudara mereka yang tertua iaitu Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara.

xix. **Adinda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada saudara yang tertua kepada orang yang dimaksudkan di atas, untuk menyatakan nama saudara mereka yang termuda iaitu Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara), Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri.

xx. **Paduka Cunda**

Gantinama bagi Sultan, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada nini Sultan, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara untuk menyatakan cucu mereka itu.

xxi. **Cunda**

Gantinama bagi Keluarga Diraja (kecuali Sultan, Raja Isteri, Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang gahara) Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri semasa Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran, Pehin-Pehin Manteri dan orang kebanyakan berdatang sembah atau menyampaikan kepada nini orang dimaksudkan di atas untuk menyatakan nama cucu mereka itu.